

KULIAH ZOHOR

“Jangan Bersikap Pesimis”

Masjid Maarof | 9 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
" إِذَا سَمِعْتَ الرَّجُلَ يَقُولُ هَلَاكَ النَّاسُ . فَهُوَ أَهْلَكُهُمْ " .

“Jika seorang lelaki berkata 'Celakalah manusia.', maka sesungguhnya ia lebih celaka dari mereka.” (Riwayat Muslim)

Pengajaran Hadis

1. Jangan berfikiran buruk dan menghukum kecelakaan ke atas orang lain kerana hukum berkenaan mungkin akan berpaling kepada dirinya sendiri atau sikap berkenaan akan menyebabkan kecelakaan atas dirinya.
2. Nasib diri mengikut apa yang difikirkan oleh akal. Jika akal berfikiran negatif, natijahnya adalah negatif. Begitulah juga sebaliknya. Ini sejajar dengan erti hadis yang menganjurkan Muslim berbaik sangka terhadap Allah taala kerana Allah taala melayan hambaNya mengikut sangkaan baik atau buruk terhadapNya.

3. Hendaklah menjauhi sikap pesimis dan berfikiran negatif terhadap persekitaran atau orang lain.
4. Kecelakaan yang berlaku dalam masyarakat atau ke atas seseorang bukanlah semestinya disebabkan oleh perbuatan atau kejahatan orang lain. Bahkan ia mungkin berlaku kerana sikap diri sendiri.
5. Mengakui akan kelemahan dan kejahilan diri sebenarnya lebih penting dari menghukum kejahatan orang lain atau menyalahkan mereka.
6. Islam mengajar bahawa sesuatu itu tidak berubah kecuali perubahan dibuat dari dalaman.

7. Ini tidak bermakna bahawa pendakwah bersikap naif terhadap perancangan jahat orang lain atau faktor-faktor luaran yang menghambat usahanya
 - cuma, dalam membuat penilaian terhadap usahanya, dia harus mengakui akan kelemahan dirinya dahulu dan tidak menjadi seorang pelarian (escapist) dengan menuding kepada orang lain sahaja untuk mengelak dari berhadapan dengan kelemahan diri.

KULIAH ZOHOR

“Suka Kepada Kebaikan, Selalu Menghasilkan Yang Baik ”

Masjid Maarof | 9 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

إِنَّ مَثَلَ الْمُؤْمِنِ لَمَثَلِ النَّحْلَةِ أَكَلَتْ طَيِّبًا وَوَضَعَتْ طَيِّبًا

“Seorang mukmin itu seumpama lebah. Dia memakan yang baik dan meninggalkan yang baik pula.” (Riwayat Ahmad)

Pengajaran Hadis

1. Hadis ini mengajar satu nilai hidup dan sikap yang lahir dari nilai tersebut yang perlu ada bagi seorang mukmin iaitu cinta kepada kebaikan yang menatijahkan pula tindakan-tindakan yang menghasilkan kebaikan di mana pun dia berada.
2. Terdapat dua aspek dalam hadis ini.
 - a) suka kepada kebaikan
 - b) berusaha menatijahkan kebaikan bagi orang lain.
3. Muslim sepatutnya berperanan sebagai agen perubahan kepada kebaikan bagi orang lain.

4. Seorang mukmin akan bekerja untuk buat kebaikan tanpa diarah
 - sikap yang sehati dalam diri dan tabiat semula jadinya
 - seperti lebah yang memainkan peranannya secara semulajadi (membantu proses pendebungaan bunga-bunga dan pokok-pokok dan menghasilkan madu).

5. Perlu fokus kepada amal, tanpa sibukkan diri dengan polemik dan 'politik' yang menghambat kerja.
 - sebut sahaja namanya, dikenali sebagai seorang yang sentiasa membuat sumbangan yang bermakna dan berkesan, boleh dipercayai dan boleh diharap (reliable)
 - apabila tidak serasi dengan satu suasana, berusaha wujudkan suasana yang membolehkan dia kekal efektif bagi tugas dakwahnya.

6. Ada azam untuk berusaha meninggalkan warisan yang unggul (legacy) di mana pun berada atau paling kurang satu seumur hidupnya.
7. Dikaitkan dengan konsep ihsan
 - bukan hanya meninggalkan kebaikan tetapi kebaikan yang unggul.
8. Berlumba-lumba dengan yang lain dalam meninggalkan kebaikan yang paling unggul, bukan kerana mencari nama dari usaha itu tetapi kerana penghayatan kepada nilai-nilai yang Islam anjurkan kepadanya.

9. Perlu juga diingat bahawa kualiti madu yang dihasilkan oleh lebah bergantung pada sumber yang menghasilkan madunya itu

- untuk meninggalkan warisan (legacy) dan 'mencipta sejarah', harus memastikan 'sumber-sumber' yang terbaik

> guru yang mendidik

> ilmu yang diperolehi

> sistem pendidikan yang membentuk diri

> rakan-rakan seperjuangan

> jamaah yang ia bergabung dengannya dan lain-lain.